

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan :

Soalan 1

Kolej Komuniti adalah salah satu institusi TVET yang memainkan peranan penting bagi melahirkan pekerja mahir yang menjadi pilihan utama industri. Sehingga tahun 2023, terdapat 104 buah Kolej Komuniti di seluruh Malaysia yang menyediakan latihan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional termasuk bidang perdagangan, mekanikal, elektrik dan juga bidang lain bagi memenuhi permintaan tinggi keperluan industri yang memerlukan tenaga kerja mahir menjelang revolusi industri 4.0 yang akan datang. Kolej Komuniti Kulim merupakan salah satu Kolej Komuniti di wilayah utara yang ditubuhkan pada tahun 2007 dengan menawarkan dua program pengajian sepenuh masa dan pelbagai kursus pendek.

CLO 3

Anda ditugaskan untuk menghasilkan semula **SATU (1)** reka bentuk **poster** yang bersaiz A4 (orientasi potret). Poster yang dihasilkan perlu menggunakan tagline 'TVET Menjadi Pilihan Pertama Untuk Kerjaya' dan mengandungi maklumat-maklumat yang bersesuaian untuk mempromosikan Kolej Komuniti Kulim. Reka bentuk poster yang akan dihasilkan hendaklah kreatif, menarik dan bersesuaian serta tidak menyentuh sensitiviti sesuatu syarikat atau jenama produk. Proses menghasilkan semula poster ini perlu berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

a) Tentukan konsep iklan produk atau perkhidmatan. (C1)

i) Nyatakan jenama produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.

(10 markah)

ii) Nyatakan tagline produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.

(10 markah)

- iii) Nyatakan kategori produk atau perkhidmatan yang digunakan dalam iklan.
(10 markah)
- b) Tunjukkan susun atur (layout iklan). (C2)
- i) Tunjukkan lakaran empat (4) *thumbnail*.
(10 markah)
- ii) Tunjukkan lakaran semi-komprehensif.
(10 markah)
- iii) Tunjukkan lakaran komprehensif.
(10 markah)
- c) Tunjukkan hasil iklan. (C3)
- i) Hasil iklan dengan susunan elemen yang kreatif dan memenuhi prinsip rekabentuk menggunakan perisian yang sesuai.
(10 markah)
- ii) Hasil iklan menepati idea dan konsep yang dipilih.
(10 markah)
- iii) Hasil cetakan berkualiti dengan menggunakan kertas berkualiti.
(10 markah)
- iv) Hasil dokumentasi proses kerja yang lengkap dan tersusun.
(10 markah)

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab